



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN MUAR
YANG TELAH MENJATUHKAN HUKUMAN DENDA TERHADAP
SEORANG PESALAH ATAS KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 10
AKTA KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017**

Jabatan ini merujuk kepada keputusan Mahkamah Sesyen Muar pada 19 Mac 2025 yang telah menjatuhkan hukuman denda RM6,000 terhadap seorang lelaki yang mengaku salah atas pertuduhan di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] kerana memiliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak iaitu 18 rakaman video bogel dan beberapa keping gambar bogel kanak-kanak perempuan berusia 15 tahun yang merupakan anak tirinya.

Setelah mempertimbangkan keputusan Mahkamah Sesyen Muar tersebut, Jabatan ini telah menfailkan Notis Rayuan bagi merayu terhadap hukuman denda yang dijatuhkan ke atas pesalah tersebut pada hari ini.

Seksyen 10 Akta 792 memperuntukkan hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda hingga RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Jabatan Peguam Negara

25 Mac 2025